

LATIHAN C

Isi tempat kosong dengan **penjodoh bilangan** yang sesuai.

kerat	ketul	sebatang	buah	cubit
segenggam	biji	sebakul	secekek	gugus

Mak Siti sudah lanjut usianya. Namun tubuh badannya masih lagi kuat. Setiap pagi dia suka menyiram pokok-pokok bunga di halaman rumahnya. Pokok-pokok bunga itu akan ditabur dengan _____ baja. Selepas membaja, dia menggembur tanah dengan menggunakan _____ sudip tanah.

Tujuannya supaya pokok-pokok itu dapat hidup subur. Selepas melihat pokok-pokok bunga, dia pergi ke kebun yang terdapat di belakang rumahnya. Dia mengutip _____ pucuk ubi untuk dijadikan ulam. Dia juga mengambil dua _____ petola untuk dibuat sayur lemak. Mak Siti bercadang menggoreng beberapa _____ ikan tongkol sebagai menu makan tengah harinya.

LATIHAN D

Tanda (✓) bagi ayat yang betul dan (X) bagi ayat yang salah dalam kotak yang disediakan.

1	Pak Mail menggunakan beberapa ruas buluh untuk membuat rakit.	
2	Ibu menggunakan tiga titis pewarna merah untuk membuat kuih lapis.	
3	Lim meletakkan segugus kunci di atas mejanya apabila tiba di rumah.	
4	Abang memasukkan sesenduk garam halus ke dalam mangkuk sup yang hendak dimakannya.	
5	Pihak polis menjumpai secebis kain yang dipercayai kepunyaan mangsa yang hilang itu.	